

**Model Projek Citizen Memperkasa Karakter Penuntut Universitas Muhammadiyah
Purwokerto: Data Kajian Tindakan Partisipatif**

*The Citizen Project Model Strengthens the Character of Universitas Muhammadiyah
Purwokerto Students:
Participatory Action Study Data.*

Nadarajan Thambu^{1*}

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA

Eko Priyanto²

²Universitas Muhammadiyah Purwokerto, INDONESIA

*Pengarang Koresponden: nada@fsk.upsi.edu.my

Diterima: 27 Januari 2025; **Disemak semula:** 05 Oktober 2025 **Diterima:** 15 November 2025; **Diterbitkan:** 18 Disember 2025

Untuk memetik artikel ini (APA): Thambu, N., & Priyanto, E. P. (2025). Model Projek Citizen Memperkasa Karakter Penuntut Universitas Muhammadiyah Purwokerto: Data Kajian Tindakan Partisipatif. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 18(2), 157-174. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.2.14.2025>

ABSTRAK

Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) di Indonesia bertujuan untuk melahirkan penuntut universiti yang memiliki karakter dan perilaku beradab. Namun, dekadensi moral dan karakter penuntut universiti, telah membimbangkan pemimpin dan masyarakat Indonesia. Ibu bapa dan anggota masyarakat mendesak kerajaan untuk menilai semula pedagogi pengajaran di universiti. Dalam konteks ini, Model *Projek Citizen* dianggap mampu menjadi metode pengajaran yang mengembangkan karakter individu secara teori dan praktik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi Model *Projek Citizen* (MPC) sebagai alat untuk mengembangkan karakter penuntut Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia. Kajian ini dilaksanakan dalam pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk Kajian Tindakan Partisipatif (*Participatory Action Research*). Peserta kajian terlibat dalam kerja-kerja amal dan sosial dalam masyarakat setempat, melalui Model *Projek Citizen*, dalam ketiga-tiga gelung kajian tindakan partisipatif. Dapatan kajian menunjukkan Model *Projek Citizen*, dapat mengembangkan karakter peserta kajian dalam empat elemen seperti tingkah laku prososial, perwatakan sivik, keberanian dan motivasi.

Kata Kunci: Karakter, Model *Projek Citizen*, Pendidikan Kewarganegaraan (PKn), Kajian Tindakan Partisipatif

ABSTRACT

Citizenship Education (PKn) in Indonesia aims to produce university students who have character and civilized behavior. However, the moral decadence and character of university students, has worried Indonesian leaders and society. Parents and members of the community are urging the government to re-evaluate teaching pedagogy in universities. In this context, the Citizen Project Model is considered capable of being a teaching method that develops individual character in theory and practice. Thus, this study aims to explore the potential of the Citizen Project Model as a tool to develop the character of students at Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia. This study was carried out in a qualitative approach using the design of Participatory Action Research. Students are involved in charity and social work in the local community, through the Citizen Project Model, in all three Participatory Action Research loops. The findings of the study show that the Citizen

Project Model can develop the character of students in four elements such as prosocial behavior, civic character, courage and motivation.

Keywords: Character, Citizen Project Model, Citizenship Education, Participatory Action Study

PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan penting untuk mentransformasi masyarakat Indonesia menjadi masyarakat yang baru serta demokratik (Ulfah & Hamid, 2017). Transformasi masyarakat ini memerlukan kemahiran daya saing bagi menjadi manusia dan warganegara yang bermoral dan berakhlak. Dalam hubungan ini elemen nilai moral dan karakter merupakan tunjang kepada kehidupan individu. Proses pengajaran dan pembelajaran yang mementingkan pemindahan pengetahuan (*transfer of knowledge*) harus berlaku secara seimbang bagi membolehkan penerapan nilai, moral dan karakter (*transfer of values, moral and character*) berlaku. Justeru, usaha pendidikan bukan sekadar proses pemindahan pengetahuan tetapi juga proses membentuk dan membina perwatakan dan karakter pelajar (Honggowiyono, 2015). Perwatakan atau karakter ini merupakan manifestasi manusia sejak mereka lahir lagi (Azizah, et al., 2020).

Dalam konteks ini kursus Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) di universiti Indonesia, bertujuan untuk menyediakan warganegara yang mempunyai karakter dan jati diri terhadap negara. Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) merupakan satu kerangka yang dibangunkan secara kontekstual dan holistik untuk membantu setiap penuntut universiti menyanjung rasa nasionalisme dan cinta akan tanah air selaras dengan prinsip Pancasila, nilai dan norma bangsa Indonesia. Dalam konteks Perlembagaan Republik Indonesia, nilai-nilai dan komitmen warganegara ditekankan agar selaras dengan aspirasi Negara Kesatuan Republik Indonesia (Ulfah & Hamid, 2017).

Krisis moral atau dekadensi moral dalam kalangan penuntut universiti menuntut penerapan Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) yang mampu menerapkan karakter. Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) untuk menerapkan karakter merupakan tindakan bijak yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Republik Indonesia apatah lagi sasaran Kementerian Pendidikan Indonesia adalah berpusatkan akhlak dan tingkah laku pelajar. Azzet (2011), menjelaskan bahawa pemupukan Karakter menjadi koridor bagi mewujudkan mental siswa dan siswi yang kuat serta positif. Hal ini membuktikan bahawa sikap dan kekuatan mental merupakan asas kepada proses pembentukan tingkah laku siswa/i. Pembentukan tingkah laku yang selaras dengan prinsip moral bergantung kepada Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) yang berkualiti (Azzet, 2011; Daryanto, 2005).

Salah satu cara terbaik untuk mengasah karakter penuntut universiti ialah dengan melibatkan mereka ke dalam *Project Citizen* yang memiliki modelnya yang tersendiri. Model *Project Citizen* ialah program kurikulum antara disiplin untuk pelajar, organisasi belia dan kumpulan dewasa yang menggalakkan penyertaan yang cekap dan bertanggungjawab dalam kerajaan tempatan dan negeri. Dalam konteks ini, Budimansyah (2009) mengulas bahawa, Model *Project Citizen* (MPC) adalah rawatan instruksional berasaskan masalah untuk mengembangkan pengetahuan, partisipasi, kemahiran sivik dan watak kewarganegaraan demokratik yang memungkinkan dan mendorong penyertaan dalam pemerintahan serta masyarakat awam. Oleh itu, Model *Project Citizen* (MPC) sesuai digunakan dalam pengajaran Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) yang mahu melahirkan generasi yang mempunyai nilai, keprihatinan, kepedulian dan karakter yang mulia.

Model *Project Citizen* dalam Pembelajaran


Model *Project Citizen* (MPC) merupakan salah satu model pembelajaran dengan pendekatan *instructional treatment*. Model *Project Citizen* (MPC) berasaskan kepada masalah untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan pembangunan watak kewarganegaraan demokratis. Oleh itu, hasil akhir Model *Project Citizen* (MPC) ialah potensi yang mampu mendorong partisipasi (keikutsertaan) dalam berbagai-bagai kegiatan pemerintah serta masyarakat sivil (sipil)

atau masyarakat awam (Budimansyah, 2009). Justeru, matlamat model pembelajaran *project citizen* adalah untuk memotivasikan dan memberdayakan para peserta didik dalam menggunakan hak dan tanggungjawab kewarganegaraan yang demokratis melalui portofolio yang intensif mengenai masalah kebijakan publik (dasar-dasar awam) di sekolah atau masyarakat tempat mereka berinteraksi.

Menurut Budimansyah dan Karim (2008), strategi model pembelajaran *Project citizen* ini ialah penggunaan strategi instruksional yang didasarkan pada strategi pembelajaran penemuan (inkuiri), pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) dan juga pembelajaran berorientasi pada kajian atau penelitian. Model pembelajaran *Project citizen* ini secara asasnya diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu sosial khususnya Pendidikan Kewarganegaraan (PKn), kerana ia sesuai dengan matlamat PKn yang mahu melahirkan warganegara yang berkarakter.

Dalam kajian ini, Model *Project Citizen* merupakan satu pendekatan instruksional di mana siswa/i Universitas Muhammadiyah Purwokerto (UMP) akan cuba menyelesaikan masalah sosial yang berlaku di dalam masyarakat tempat tinggal mereka. Model *Project Citizen* memerlukan siswa/i untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran. Elemen ini penting dalam pembinaan warganegara yang demokratik yang menjadi pemangkin kepada mewujudkan masyarakat yang demokratik dalam sistem pemerintahan Indonesia (Budimansyah, 2002, 2009b). Pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila siswa/i dilibatkan sama dalam dunia sebenar tempat mereka hidup (*in real life*). Seajar dengan prinsip dan falsafah itu, Model *Project Citizen* menjadi model yang menyeret siswa/i untuk melibatkan diri dengan masyarakat sekeliling dengan mencari masalah, memilih masalah yang perlu, mengumpulkan maklumat, membentang hasil dapatan dan membuat refleksi (Adha, 2010).

Penglibatan siswa dalam Model *Project Citizen* mampu mengembangkan potensi individu menjadi warganegara yang baik dalam sistem demokrasi Indonesia. Dalam konteks kajian ini, Model *Project Citizen* digunakan sebagai satu metodologi untuk menerapkan nilai moral, kepedulian sosial dan karakter mahasiswa. Model *Projek Citizen* (MPC) mempunyai enam langkah yang utama. Enam langkah tersebut ialah: (i) Mengidentifikasi masalah (ii) Memilih suatu masalah untuk dikaji oleh kelas (iii) Mengumpulkan informasi yang terkait pada masalah itu (iv) Mengembangkan portfolio kelas (v) Menyajikan portfolio di hadapan dewan juri dan (vi) Melakukan refleksi pengalaman belajar. Rujah1.



Rajah 1: Model *Project Citizen*

REKA BENTUK KAJIAN


Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk penyelidikan tindakan partisipatif (*participatory action research*) atau PAR digunakan di dalam kajian ini. Model *participatory action research* (PAR) yang mempunyai tiga gelung (siklus) yang telah diadaptasi digunakan (Crane & Richardson, 2000; Nadarajan, 2023). Sebagai seorang pengamal reflektif, penyelidik menggunakan penyelidikan tindakan partisipatif atau disebut juga sebagai kajian tindakan partisipatif untuk mengkaji penggunaan Model *Project Citizen* (MPC) dalam Pendidikan Kewarganegaraan (PKn). Kemmis dan Wilkinson (1998) telah melaksanakan penyelidikan tindakan partisipatif (*participatory action research*) untuk menyelidiki isu-isu sosial dalam masyarakat demi memperbaiki kualiti masyarakat.

Oleh itu pendekatan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian atau penyelidikan tindakan partisipatif dianggap wajar digunakan kerana tujuan kajian ini ialah untuk meneroka penggunaan Model *Project Citizen* (MPC) dalam pedagogi Pendidikan Kewarganegaraan (PKn), melalui penelitian tindakan partisipatif. Pendekatan kualitatif yang menitikberatkan proses untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian berupaya memberikan keterangan, interpretasi dan makna penggunaan Model *Project Citizen* (MPC) dalam pedagogi Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) dalam partisipasi untuk pembangunan masyarakat. Pendekatan kualitatif juga memerlukan peranan penyelidik untuk berinteraksi dengan peserta kajian. Menerusi interaksi tersebut, penyelidik dapat menginterpretasikan penggunaan Model *Project Citizen* (MPC) dan kaitannya dengan nilai moral, kesedaran kepedulian sosial dan karakter kewarganegaraan (Taniredja, Harmianto, & Priyanto, 2010).

PENYELIDIKAN TINDAKAN PARTISIPATIF (PAR)

Penyelidikan tindakan partisipatif atau *participatory action research* (PAR) adalah pendekatan yang melibatkan penyelidik dan peserta bekerjasama untuk memahami situasi yang bermasalah dan mengubahnya menjadi lebih baik. Antara ciri-ciri *participatory action research* (PAR) ialah, ia memiliki kitaran penyelidikan, tindakan dan refleksi yang berulang-ulang (Dickens & Watkins, 1999), memberi tumpuan kepada perubahan sosial yang mendorong kepada demokrasi dan mencabar ketidaksaan (Freire, 1982, 1993) sering didasarkan kepada keperluan kumpulan tertentu, dan berupaya untuk mendorong para peserta yang terlibat untuk mempunyai kesedaran yang lebih besar mengenai keadaan mereka untuk mengambil tindakan (Kemmis, 2006).

Kitaran atau gelungan (siklus) PAR biasanya wujud dalam empat langkah mudah iaitu: (i) merancang (ii) bertindak (iii) memerhatikan dan (iv) refleksi (DHHS, 2012; Kindon et al., 2007). Keempat-empat langkah ini akan membentuk satu proses peningkatan kualiti yang berterusan dalam kajian tindakan PAR. Penyelidik atau pengurus projek boleh mengembangkan atau mengulangi satu gelung kajian tindakan partisipatif (PAR) kepada dua atau tiga gelung. Rujuk Rajah 2. Sebagai contoh, setelah lengkap empat peringkat asas dalam satu gelung atau kitaran (refleksi, merancang, bertindak, memerhatikan), penyelidik kemudian boleh merenung dan melaksanakan refleksi untuk meneruskan gelungan atau kitaran (Dickens & Watkins, 1999). Gelung, kitaran atau siklus ini diulang atau ditambah untuk memungkinkan perubahan tambahan kepada program dari masa ke masa. Pertambahan gelung atau kitaran mencerminkan peningkatan fokus, daya, impak dan persoalan yang mendorongnya. Setiap kitaran membuka ruang dan peluang yang lebih banyak kepada pihak berkepentingan dalam masyarakat untuk berpartisipasi ke dalam proses (Department of Health and Human Services (DHHS), 2012




Rajah 2. Pengulangan gelung dalam kajian PAR
Sumber: Crane & Richardson, 2000, as cited by DHHS, 2012

Pelaksanaan MPC dalam Reka Bentuk PAR

Kajian tindakan partisipatif (PAR) dikaitkan dengan kajian pengamal (*practitioner research*). Tujuan kajian ini ialah untuk membentuk dan meningkatkan amalan berdasarkan pada pengetahuan baharu yang diperoleh dan dikembangkan daripada satu gelung ke gelung yang seterusnya. Selain itu, mengurangkan jarak (gap), antara masalah sebenar yang dikenal pasti oleh pengamal dengan teori yang digunakan untuk menyelesaikan masalah, juga menjadi matlamat penyelidik. Berdasarkan Model *Project Citizen* (MPC), penyelidik telah menentukan tiga fokus utama dalam projek kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh peserta kajian iaitu penuntut Universitas Muhammadiyah Purwokerto (UMP). Ketiga-tiga fokus ini juga menjadi aspirasi dalam mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan (PKn), di Indonesia (Budimansyah, 2010). Tiga fokus ini telah diletakkan dalam tiga gelung dalam kajian tindakan partisipatif (PAR) iaitu: (i) fokus perkembangan nilai moral dalam Gelung Pertama, (ii) fokus perkembangan perwatakan karakter dalam Gelung Kedua dan (iii) fokus perkembangan amalan kepedulian sosial dalam Gelung Ketiga.

Oleh itu, gelung atau kitaran ini diulang atau ditambah untuk memungkinkan perubahan tambahan kepada program dari semasa ke semasa. Pertambahan gelung atau kitaran mencerminkan peningkatan fokus, daya, impak dan persoalan yang mendorongnya. Setiap kitaran membuka ruang dan peluang yang lebih banyak kepada pihak “stakeholders” dalam masyarakat untuk berpartisipasi ke dalam proses (Department of Health and Human Services (DHHS), 2012). Dalam konteks kajian ini, tiga isu atau fokus yang berbeza diberikan dalam tiga gelung kajian agar ia dapat memudahkan proses mengumpul data secara sistematik dan kajian secara “*in dept*” dapat dilaksanakan secara rigid dalam meneroka sesuatu isu atau fenomena dalam satu-satu gelung kajian. Selain itu, pemilihan isu-isu tertentu dalam setiap gelung juga berbeza kerana, perlakuan atau isu-isu yang timbul sangat dipengaruhi oleh persekitaran semula jadi di mana perlakuan atau fenomena itu berlaku (McKernan, 1996). Hal ini juga sesuai dengan konsep kajian tindakan partisipatif (PAR) sebagai kajian naturalistik, yakni merujuk kepada penyiasatan ke atas sesuatu fenomena dalam konteks yang semula jadi (Othman, 2015).

Hal ini bermaksud, semasa melaksanakan Model *Project Citizen* (MPC), selain mengutip data peserta kajian juga akan terlibat dalam kerja-kerja amal demi meneroka permasalahan yang ada dalam masyarakat dalam usaha untuk pemberdayaan masyarakat. Manakala penyelidik dan rakan kolaborasi pula akan mengutip data daripada peserta kajian untuk mengesahkan tiga fokus yang cuba dikembangkan dalam tiga gelung di dalam *participatory action research* (PAR). Model *participatory action research* (PAR) yang mempunyai tiga gelung (siklus) yang telah diadaptasi digunakan sebagai reka bentuk kajian ini (Crane & Richardson, 2000). Rujuk Rajah 3.




Rajah 3: Pelaksanaan MPC dalam PAR
Sumber: Crane & Richardson, 2000

DAPATAN KAJIAN

Data untuk kajian ini dikumpul melalui instrumen kualitaitaif iaitu (i) protokol pemerhatian (ii) protokol temu bual (iii) protokol catatan jurnal dan (iv) rakaman video. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema yang berpandukan kepada langkah-langkah yang disyorkan oleh (Braun & Clarke, 2006). Penyelidik telah melaksanakan proses analisis data kualitatif yang melibatkan langkah seperti pengurusan dan penyediaan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub tema serta paparan hasil (Boeije, 2014; Braun & Clarke, 2006; Miles & Huberman, 1994). Justeru, dalam artikel ini, data daripada Gelung Ketiga PAR yang menjawab soalan kajian “Sejauhmana Model *Project Citizen* mampu mengembangkan karakter siswa/i Pendidikan Kewarganegaraan (PKn)?” sahaja diberikan. Berdasarkan analisis tersebut, empat tema telah muncul dan dikenal pasti dalam membincangkan perilaku karakter peserta yang terlibat dalam kajian. Keempat-empat tema tersebut ialah:

- i. Tingkah laku prososial
- ii. Perwatakan sivik
- iii. Bersikap berani
- iv. Bermotivasi

Dapatan menunjukkan Model *Project Citizen* mengembangkan aspek perilaku karakter peserta kajian. Unsur-unsur seperti tingkah laku prososial, perwatakan sivik, pemikiran kritis (*critical thinking*) dan motivasi menjadi elemen untuk membentuk aspek karakter individu. Unsur-unsur seperti tingkah laku prososial, perwatakan sivik, bersikap berani dan motivasi menjadi tema utama untuk membentuk karakter individu. Data-data tersebut dipersembahkan dalam bentuk analisis deskriptif. Rujuk Rajah 4.



Rajah 4: Pembentukan Perilaku Karakter

Tema 1: Tingkah Laku Prososial

Tingkah laku prososial adalah suatu perbuatan menolong, memberi dan mengambil berat yang dilakukan oleh seseorang individu. Tingkah laku atau perwatakan prososial dilakukan oleh individu tanpa ada rasa keterpaksaan. Tingkah laku prososial boleh terjadi kerana sikap bertanggungjawab dan bukan kerana ada kepentingan untuk diri mereka sendiri (Batson, 1998; Carlo & Randall, 2002). Dapatan kajian menunjukkan langkah-langkah dalam pelaksanaan Model *Project Citizen* seperti identifikasi masalah, memilih masalah, mengumpul informasi, kebijakan publik dan refleksi dapat mencetuskan jenis perkembangan perilaku karakter dalam kalangan peserta kajian. Tema tingkah laku prososial terjana daripada satu subtema iaitu perwatakan penyayang.

Ciri tingkah laku prososial atau perwatakan prososial telah membina perilaku karakter dalam kalangan peserta kajian. Tema 1, tingkah laku prososial dijana melalui satu subtema iaitu perwatakan penyayang. Berikut ialah analisis dapatan daripada subtema yang menjana tema 1.

1.1 Penyayang

Hasil temu bual menunjukkan peserta kajian memperlihatkan karakter penyayang sebagai satu ciri penting dalam tingkah laku prososial (Noddings, 2002, 2003). Semua peserta yang terlibat dalam Model *Project Citizen* memperlihatkan bahawa mereka mempromosikan suatu bentuk obligasi moral dalam bentuk perwatakan dan tingkah laku yang mesra kepada masyarakat. Dengan kuasa yang ada pada mereka, peserta cuba memilih pendekatan atau kelakuan yang lebih positif untuk menangani masalah yang ada dalam masyarakat secara bersama daripada menuduh, berpiketik atau terlibat dalam tunjuk perasaan menentang pihak berkuasa. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Sejauh mana tingkah laku prososial penting sebagai ciri perilaku karakter moral?

Peserta 4: Melalui Model *Project Citizen*, kami cuba menunjukkan perilaku moral yang baik untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan penyayang. Setelah melihat kesengsaraan dalam masyarakat, pada mulanya kami berasa agak marah dengan pihak berkuasa dan pemerintah setempat. Tetapi, setelah berfikir panjang, dan mendapat nasihat daripada dosen, kami cuba untuk mengubah apa yang boleh dan perlu diubah untuk menangani masalah yang dihadapi oleh subjek kajian kami. Daripada menuduh dan melakukan tingkah laku berpiketik sebagai reaksi terhadap pihak berkuasa, kami mahu menolong sedaya mungkin untuk membantu golongan miskin, pengemis dan golongan PGOT. Kami mula membantu dan menolong mereka. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Peserta 6: Sikap penyayang kami didorong oleh nasihat daripada ketua kumpulan dan dosen kami sendiri, dalam sesi refleksi. Kami sedar akan keupayaan kami sebagai pelajar yang harus menunjukkan perwatakan yang baik, mesra masyarakat dan memiliki karakter moral. Bagi kami, pembinaan dan pembelaan terhadap masyarakat lebih utama daripada sikap anti-pemerintah. Maka kami cuba menunjukkan perwatakan positif dan penyayang dengan membantu golongan miskin seperti memberikan donasi, membelikan beras dan pakaian kepada golongan gelandangan. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Catatan jurnal peserta kajian juga menunjukkan bahawa, peserta terdorong untuk menunjukkan tingkah laku prososial dan tidak mahu melibatkan diri dalam tingkah laku anti-sosial. Peserta menggunakan satu pendekatan yang menunjukkan perlakuan penyayang dengan membantu golongan yang tidak bernasib baik. Tindakan mereka juga memperkukuhkan perwatakan sivik, kemahiran sivik serta perilaku karakter moral. Rujuk catatan jurnal berikut:

Saya juga terlibat dalam program mengutip donasi, membeli dan mengagihkan beras, memberikan pakaian terpakai yang kami kutip di Prodi untuk didermakan kepada golongan miskin, kanak-kanak dan gelandangan di sekitar Purwokerto. Sesungguhnya selepas program ini timbul satu rasa cinta yang agak mendalam di sanubari saya terhadap tindakan dermawan itu. Saya percaya Model *Project Citizen*, telah melahirkan perasaan begini dalam hati saya. Kini saya lebih sensitif terhadap keperluan orang lain. Saya percaya perwatakan seperti menyayangi dan menyantuni orang lain harus ada pada semua warganegara Indonesia.
[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.3.18]

Hasil catatan pemerhatian pula menunjukkan, peserta kajian memperlihatkan perwatakan penyayang dan perilaku prososial. Pemerhatian rakan penyelidik menunjukkan, peserta kajian telah bersetuju untuk menangani pendekatan seperti “membina dan memelihara golongan paling rentan” dalam sesi refleksi. Mereka bertindak untuk menunjukkan sikap prososial dengan bernekad untuk memberikan bantuan kepada masyarakat yang menjadi subjek kajian mereka. Sikap penyayang peserta kajian jelas apabila mereka sanggup mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit dengan membelikan makanan dan keperluan asas. Peserta kajian percaya, tindakan membantu orang yang kurang berada sedikit sebanyak mampu mengatasi masalah. Hal ini merupakan satu perwatakan prososial yang menunjukkan tahap moral yang tinggi. Sikap mereka yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup orang yang menerima bantuan, satu perwatakan karakter moral yang unggul.
[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.3.18]

Tema 2: Perwatakan Sivik

Perwatakan sivik melibatkan sifat, sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang individu berdasarkan nilai-nilai sivik dan pengetahuan sivik yang diperolehnya (Ristina, 2009; Rogers, 2009). Perwatakan sivik yang dipengaruhi oleh pengetahuan sivik dan nilai-nilai sivik amat berkaitan dengan konsep ‘*good citizen*’ (Smith, 2002). Dapatan kajian menunjukkan langkah-langkah dalam pelaksanaan Model *Project Citizen* seperti identifikasi masalah, memilih masalah, mengumpul informasi, kebijakan publik dan refleksi dapat mencetuskan jenis perkembangan perilaku karakter dalam kalangan peserta kajian. Tema perwatakan sivik terjana daripada satu subtema iaitu kecenderungan sivik.

Ciri perwatakan sivik iaitu kecenderungan sivik telah membina perilaku karakter dalam kalangan peserta kajian. Tema 2, perwatakan sivik dijana melalui satu subtema iaitu kecenderungan sivik. Berikut ialah analisis dapatan daripada subtema yang menjana tema 2.

2.1 Kecenderungan Sivik

Hasil temu bual menunjukkan peserta kajian memiliki sifat kecenderungan sivik yang membentuk perwatakan sivik mereka. Peserta yang melibatkan diri dalam Model *Project Citizen* dapat menunjukkan karakter sivil yang baik. Peserta juga dapat menunjukkan kecenderungan sivil melalui karakter mereka (Smith, 2002; Udin & Budimansyah, 2007).

Peserta dapat membuat pertimbangan dan penilaian terhadap perkara-perkara yang melibatkan kepentingan diri dan kepentingan awam. Peserta yang berpegang kepada kecenderungan sivik dapat membuat pertimbangan yang bijaksana dan beretika untuk membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan. Rujuk catatan temu bual berikut:

Penyelidik: Sejauh mana perwatakan sivik penting untuk membentuk karakter individu?

Peserta4: Kami rasa sebelum kita bincangkan perwatakan sivik, kita harus memahami unsur kecenderungan sivik yang menjadi asas kepada perwatakan sivik. Kami yang terlibat dalam Model *Project Citizen*, ada kecenderungan untuk menjadi manusia sivil yang boleh membantu masyarakat. Dalam projek ini kami banyak membantu orang gelandangan dengan mencari tempat tinggal untuk mereka. Kami ada menghubungi Dinas Sosial untuk membantu golongan tuna wisma. Kami rasa pengalaman yang diperoleh daripada Model *Project Citizen* dan yang diperoleh daripada rumah, sekolah dasar serta organisasi telah memperkukuh perwatakan dan karakter sivik dan sivil kami. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Peserta 6: Kecenderungan untuk membantu mangsa timbul semasa kami berada di tengah masyarakat untuk mengumpul data. Setelah mengumpul data, kami ada membentangkan data tentang kemiskinan, statistik tentang masalah pengangguran, keruncingan masalah PGOT dan masalah “Bank Placit” dalam pembentangan portfolio. Dalam sesi refleksi beberapa orang juri pula meminta kami untuk melaksanakan tindakan sebagai masyarakat sivil untuk menangani masalah yang kami tunjukkan. Sesi refleksi ini telah menimbulkan kesedaran sivik kepada kami bahawa minda sivik (*civic minded*) tidak sempurna, jika perwatakan sivik tiada untuk membantu subjek kajian kami secara langsung dan tidak langsung. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Dalam pada itu, catatan jurnal juga menunjukkan bahawa peserta yang terlibat dalam Model *Project Citizen*, ada menunjukkan perwatakan sivik yang baik, khususnya dalam usaha untuk membantu masyarakat bawahan. Karakter sivik yang sebenar dalam kalangan peserta dapat dilihat dari aspek kesedaran sivil dan disiplin diri. Rujuk catatan jurnal berikut:

Pada mulanya saya hanya menyertai kumpulan saya secara endah tak endah sahaja. Tetapi saya mula sedar tentang pentingnya semangat berpasukan dalam membantu golongan masyarakat yang miskin. Semasa membantu golongan gelandangan, saya dapat perhatikan sikap, nilai dan perwatakan mereka. Walaupun hidup merana, mereka masih sempat mengucapkan terima kasih, senyum dan menghormati pemberian kami. Perwatakan mereka yang menunjukkan rasa hormat yang tinggi kepada orang lain membuatkan saya sedar bahawa kita sebagai manusia harus memiliki perwatakan yang baik, dengan menunjukkan kesopanan, kesediaan untuk memberikan perhatian dalam membantu mereka. [prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.3.18]

Di samping itu, catatan pemerhatian juga membuktikan peserta ada menunjukkan perwatakan sivik dan kecenderungan sivik dalam proses memberikan bantuan kepada subjek kajian mereka. Model *Project Citizen* dapat memberikan pengalaman kepada peserta untuk menunjukkan tanggungjawab moral, memelihara maruah dan membuat pertimbangan dan memberikan kerjasama dengan orang lain. Tindakan peserta yang bercakap dengan sopan kepada subjek kajian, memberikan bantuan tanpa ada perasaan ego atau superior, bahawa “saya kaya dan anda miskin”, jelas menunjukkan kejayaan Model *Project Citizen*. Karakter atau perwatakan sivik yang diperlihatkan oleh peserta kajian membuktikan kecenderungan

yang ada pada mereka untuk mengekalkan keharmonian dan menzhahirkan pembentukan sebuah masyarakat sivil. Dengan kata lain, kecenderungan sivik individu dicorakkan oleh pengalaman dalam kehidupan sehari-harian. Di sinilah kita dapat lihat betapa pentingnya proses sosialisasi politik dalam pembentukan watak dan perwatakan sivik seseorang individu. [prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.3.18]

Tema 3: Bersikap Berani

Sikap berani merupakan satu lagi ciri individu yang menunjukkan perwatakan mereka. Perwatakan berani, biasanya wujud dalam diri individu yang mempunyai sifat yakin dan percaya pada diri mereka sendiri (Campbell, 2005). Sikap berani juga dikatakan wujud dalam diri orang yang kuat mental dan yang pandai mengawal emosi. Dapatan kajian menunjukkan langkah-langkah dalam pelaksanaan Model *Project Citizen* seperti identifikasi masalah, memilih masalah, mengumpul informasi, kebijakan publik dan refleksi dapat menjadikan peserta kajian bersikap berani. Tema bersikap berani terjana daripada satu subtema iaitu ambil risiko. Ciri perwatakan bersikap berani telah membina perilaku karakter dalam kalangan peserta kajian. Tema 3, bersikap berani dijana melalui satu subtema iaitu ciri mengambil risiko. Berikut ialah analisis dapatan daripada subtema yang menjana tema 3.

3.1 Ambil Risiko

Hasil dapatan temu bual menunjukkan peserta kajian juga membuktikan sikap keberanian yang diperoleh dalam Model *Project Citizen*. Peserta mengaku bahawa Model *Project Citizen* telah menerapkan amalan dan karakter keberanian dalam diri mereka untuk menghadapi cabaran. Peserta menyuarakan bahawa pengalaman membuat kerja amal dalam masyarakat akan menjadi perangsang untuk mereka berani berhadapan dengan dugaan dalam hidup (Torres, 2002). Berikut ialah sedutan temu bual tersebut:

Penyelidik: Pada pendapat kalian apakah sumbangan penting Model *Project Citizen*?

Peserta 6: Pada pendapat kami, sumbangan penting Model *Project Citizen* ialah menjadikan kami orang yang berani menghadapi realiti hidup. Kami percaya pengalaman melaksanakan projek ini memberikan sedikit keberanian untuk kami berhadapan dengan masyarakat bawahan yang kurang dari aspek ekonomi dan sosial. Kami juga berani berhadapan dengan pegawai bank, pegawai kerajaan dan melibatkan diri sebagai warganegara untuk menggunakan saluran pemerintah yang ada bagi membantu golongan tuna wisma (tiada rumah). Kami mendapat satu keberanian yang luar biasa, walaupun kami masih menuntut di universitis. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Peserta 2: Satu aspek penting dalam membincangkan perwatakan berani ialah, sikap kami yang sanggup menghadapi risiko. Tindakan mengutip data dengan para peniaga kecil, di pasar Banyumas dan mendapatkan data melalui rakaman video di tempat seperti ramai gelandangan serta pengemis kecil juga boleh mengundang risiko yang tinggi. Maklumlah, kami hanya pelajar universitis yang tidak punyai apa-apa kuasa politik. Namun kami kuatkan mental dan emosi untuk menyiasat masalah dalam masyarakat demi kebaikan bersama. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Catatan jurnal juga menunjukkan bahawa Model *Project Citizen* mampu melahirkan individu peserta yang memiliki perwatakan berani kerana benar. Ramai peserta menyatakan Model *Project Citizen* harus dijadikan sebagai pedagogi yang wajib kerana ia melatih individu untuk bersikap berani mengambil risiko, di samping menguatkan mental dan emosi mereka. Rujuk catatan jurnal berikut:

Semasa berhadapan dengan masyarakat, pada mulanya saya berasa rendah diri kerana tidak pernah berbuat demikian. Saya juga dihantui perasaan takut dan bimbang untuk melibatkan diri dalam Model *Project Citizen*. Tetapi perasaan takut hilang dan saya mula berani apabila mendapat sokongan daripada rakan-rakan kumpulan dan para dosen Prodi. Saya boleh menguji kebolehan diri saya, keberanian dan keyakinan saya berhadapan dengan masyarakat dan pegawai pemerintah yang lain. Saya mula berani berkomunikasi dengan mereka. Saya percaya amalan berani mencuba sesuatu yang baharu seperti Model *Project Citizen*, memberi faedah walaupun kadangkala ada risiko dan menerima kritikan. [prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.3.18]

Hasil pemerhatian rakan kolaborasi juga menunjukkan peserta berani bertindak untuk menangani masalah. Menurut salah seorang pemerhati keberanian para peserta kajian dapat diperhatikan dalam sesi refleksi. Peserta kajian berani menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap sistem bank yang seolah-olah tidak memberikan kemudahan pinjaman kepada peniaga kecil. Peserta kajian juga agak marah dengan tindakan para peminjam wang (bank placit), tetapi sempat mengawal emosi dan mental mereka. Perlakuan ini juga jelas menunjukkan perwatakan berani mereka.

Selain itu, pemerhatian juga menunjukkan peserta kajian berani dan tidak malu atau segan berhadapan dengan masyarakat untuk mendapatkan derma (donasi) dalam usaha untuk membantu subjek kajian mereka. Peserta juga berani menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pegawai bank dan anggota masyarakat yang lain serta kritikan segelintir anggota masyarakat yang enggan bekerjasama dengan mereka. Hal ini juga menunjukkan peserta berani menerima kritikan dan risiko daripada tindakan yang diambil. Amalan dan perwatakan keberanian peserta juga dapat diperhatikan apabila mereka tampil untuk membantu masyarakat bawahan walaupun ada pelbagai risiko dan rintangan. [prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.3.1]

Tema 4: Bermotivasi

Bermotivasi (Ryan & Deci, 2000) merupakan satu lagi sikap atau perwatakan yang ditunjukkan oleh para peserta kajian yang terlibat dalam Model *Project Citizen*. Peserta kajian menunjukkan keyakinan, kebolehan, tingkah laku, kesanggupan dan sikap terbuka yang memperlihatkan karakter atau peri laku motivasi mereka terhadap diri dan anggota masyarakat yang lain (Ryan & Deci, 2000). Dapatan kajian menunjukkan langkah-langkah dalam pelaksanaan Model *Project Citizen* seperti identifikasi masalah, memilih masalah, mengumpul informasi, kebijakan publik dan refleksi dapat memperlihatkan peserta kajian memiliki sikap bermotivasi. Tema perilaku bermotivasi terjana daripada dua subtema iaitu bersikap terbuka dan berdikari. Ciri perwatakan bermotivasi seperti bersikap terbuka dan berdikari telah membina perilaku karakter dalam kalangan peserta kajian. Tema 4, bermotivasi dijana melalui dua subtema iaitu ciri (i) bersikap terbuka dan (ii) berdikari. Berikut ialah analisis dapatan daripada dua subtema yang menjana tema 4.

4.1 Bersikap Terbuka

Hasil temu bual menunjukkan perilaku bermotivasi yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Dalam sikap bermotivasi ini peserta kajian ada memaparkan ciri-ciri seperti bersikap terbuka (Karliani, 2014). Model *Project Citizen* dapat membuka pandangan, pengalaman dan pemikiran mereka untuk menjadikan mereka bersikap lebih terbuka. Sikap ini menjadikan mereka mampu memperlihatkan perilaku bermotivasi. Rujuk catatan temu bual berikut:

- Penyelidik: Sejauh mana motivasi menjadi faktor penting untuk individu melibatkan diri dalam kerja-kerja amal dan sosial?
- Peserta 1: Kami rasa motivasi menjadi aspek penting untuk kita bergiat aktif dalam aktiviti amal dan aktiviti sosial. Semasa menyertai Model *Project Citizen*, kami banyak menghadapi rintangan dan cabaran. Kami juga banyak mendapat kritikan daripada orang perseorangan dan daripada anggota masyarakat. Namun kami bersedia menerima kritikan, tenang dalam menerima teguran. Kami rasa kita harus bersikap terbuka dalam menerima teguran dan kritikan. Jika kita bersikap terbuka teguran dan kritikan akan memotivasikan kita untuk bekerja dengan lebih baik. Kritikan bukan penghalang tetapi motivasi kita. Hal ini yang kami belajar dan laksanakan dalam projek ini. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]
- Peserta 4: Saya pun bersetuju dengan rakan saya. Teguran, kritikan dan layanan yang tidak baik daripada masyarakat bukanlah menjadi tekanan dalam diri kita. Malahan ia memberikan motivasi dan semangat untuk kita bekerja dengan lebih tekun. Kami sanggup membantu golongan gelandangan dan anggota masyarakat yang susah, kerana kami bersikap terbuka. Sikap terbuka menjadi pendorong dan motivasi untuk kami bertindak dan bukannya menjadi penghalang. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Selain itu, catatan jurnal peserta juga menunjukkan perilaku bermotivasi hasil penglibatan peserta dalam Model *Project Citizen*. Rujuk catatan jurnal berikut:

Saya rasa Model *Project Citizen*, telah membina motivasi dalam diri saya. Pada mulanya, saya rasa tertekan kerana ada banyak halangan untuk melaksanakan Model *Project Citizen*. Kami juga kekurangan wang untuk melaksanakan projek ini. Tetapi para dosen meminta kami untuk bersikap terbuka kerana, ini menjadi peluang untuk kami menimba ilmu dan pengalaman baharu. Nasihat ini menjadi satu motivasi luaran kepada saya. Selepas itu, saya melibatkan diri dan melaksanakan semua tugas yang diberi oleh ketua kumpulan saya. Faktor minat menjadikan saya untuk bermotivasi dalam Model *Project Citizen*. [prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.3.18]

Catatan pemerhatian jua memaparkan perilaku bermotivasi dan sikap keterbukaan para peserta kajian. Peserta kajian dapat menunjukkan motivasi yang baik dalam proses mengumpul maklumat, dalam sesi pembentangan portfolio dan sesi refleksi. Peserta kajian menunjukkan usaha, minat dan motivasi yang tinggi dalam melaksanakan Model *Project Citizen*. Mereka melaksanakan tugas seperti mengutip dana, membuat kertas kerja, buku log menyimpan kira-kira hasil kutipan derma, mengadakan janji temu berjumpa pegawai bank dan Bupati Banyumas mengikut tatacara yang teratur. Mereka melaksanakan disiplin kerja ini daripada bermulanya projek sehingga selesainya projek. Disiplin kerja ini juga

menjadikan mereka lebih bermotivasi dan mampu menyelesaikan tugas yang diberi dengan cemerlang. [prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.3.18]

4.2 Berdikari

Catatan temu bual menunjukkan, peserta kajian juga mengamalkan ciri berdikari sebagai satu ciri dalam perilaku bermotivasi. Setiap peserta melakukan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sempurna tanpa bergantung kepada orang lain (Budimansyah, 2016; Eccles, Roeser, & Vida, 2006). Mereka menunjukkan kebolehan dan kesanggupan untuk merancang tugas dengan baik dan yakin akan kemampuan diri. Rujuk temu bual berikut:

Peserta 7: Kami juga melaksanakan kebanyakan langkah dalam Model *Project Citizen* dengan sendiri. Kami sanggup berkorban masa untuk merancang dan melaksanakan setiap aktiviti. Perancangan untuk memilih masalah, melaksanakan kerja lapangan seperti mengumpul data dan mengumpul dana, semuanya kami lakukan sendiri tanpa banyak bergantung kepada orang lain. Kami hanya mendapat sedikit tunjuk ajar daripada dosen. Yang selebihnya adalah usaha kami. Nasib baik semua ahli kumpulan menunjukkan sikap berdikari yang baik..Sebagai ketua hal ini telah memberikan motivasi untuk saya terus melaksanakan projek ini. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Peserta 5: Selain itu, satu lagi aspek yang memberikan motivasi kepada kumpulan kami ialah kebebasan ahli kumpulan membuat keputusan sendiri. Sikap berdikari ini membantu kami untuk bekerja sebagai satu pasukan yang kuat. Kebebasan membuat keputusan seperti melakukan kerja-kerja yang difikirkan perlu walaupun tanpa ketua menjadi satu lagi motivasi untuk kami bekerja secara kumpulan. [prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Catatan jurnal peserta pula menunjukkan perilaku motivasi peserta kajian. Rujuk catatan jurnal berikut:

Saya berpendapat sikap berdikari yang diajar melalui Model *Project Citizen* penting untuk perkembangan personaliti saya. Sikap ini juga membentuk motivasi dalaman dalam diri. Saya suka berkerja lebih masa dan tidak suka ponteng dalam tanggungjawab saya. Saya juga bermotivasi untuk datang awal ke lokasi kajian lebih awal untuk memastikan segala perancangan kumpulan berjalan lancar. Saya rasa perilaku bermotivasi ini penting untuk pembangunan individu, masyarakat dan negara. [prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.3.18]

Sementara itu, catatan pemerhatian pula menunjukkan peserta kajian memperlihatkan perilaku bermotivasi seperti berdikari. Peserta telah menunjukkan sikap berdikari, dengan melaksanakan kesemua langkah dalam Model *Project Citizen* secara berdikari. Mereka melaksanakan keseluruhan Model *Project Citizen* tanpa bergantung kepada orang lain. Peserta kajian sentiasa memperlihatkan sikap positif yang menjadi tonggak dalam melahirkan pekerja yang bermotivasi. Peserta sentiasa bersikap positif dan bermotivasi seperti merancang tugas, mewujudkan hubungan baik dengan ahli dalam kumpulan, yakin pada setiap tindakan yang diambil, sentiasa cergas dan aktif dengan setiap tugas yang diberi. Perilaku motivasi yang berpaksikan sikap berdikari jelas dalam setiap tingkah laku peserta kajian. [prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.3.1

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan Model *Project Citizen* dapat memberikan sumbangan secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan (PKn). Model *Project Citizen* yang dintegrasikan dalam reka bentuk kajian tindakan partisipatif dapat memberikan peluang kepada siswa/i Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia untuk mengembangkan dan memperkasa amalan karakter yang diperoleh di bilik kuliah dalam kalangan masyarakat yang menjadi tempat kajian mereka. Melalui reka bentuk ini, peranan siswa/i universiti bukan sahaja semata-mata menjadi peserta kajian, tetapi mereka menjadi agen atau anggota masyarakat yang memiliki tanggungjawab sosial yang utuh. Hal ini menjadi satu sumbangan yang unik dalam kajian ini. Justeru, sumbangan kajian ini dari aspek pedagogi dan metodologi reka bentuk kajian tindakan partisipatif tidak dapat dinafikan.

RUJUKAN

- Adha, M. M. (2010). Model Project Citizen untuk meningkatkan kecakapan warga negara pada konsep kemerdekaan mengemukakan pendapat. *Jurnal Kultur Demokrasi*, 1(8), 44-52.
- Azizah, A. B., Huwaida, A.N., Asihaningtyas, F., & Fatharani, J. (2020). Konsep, nilai, moral dan norma dalam pembelajaran PPKN SD. *Nusantara: Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 2(1), 129-138. <https://ejournal.stitpn.ac.id/index.php/nusantara>
- Azzet, A.M. (2011). *Urgensi pendidikan karakter di Indonesia: Revitalisasi Pendidikan karakter terhadap keberhasilan belajar dan kemajuan bangsa*. Jakarta: Arruz Media.
- Batson, C. D. (1998). Prosocial behavior and altruism. *The Handbook of Social Psychology*, 4, 282-316.
- Boeije, H. (2010). *Analysis in Qualitative Research*. Sage Publications Ltd.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.
- Budimansyah, D. (2002). *Model pembelajaran dan penilaian berbasis portofolio*. Bandung: PT. Genesindo.
- Budimansyah, D. (2007). Pendidikan demokrasi sebagai konteks civic education di negara berkembang. *Acta Civica Jurnal Pendidikan Kewarganegaraan*, 11-26.
- Budimansyah, D., & Suryadi, K. (2008). *PKn dan masyarakat multikultural*. Bandung: Program Studi Pendidikan Kewarganegaraan SPs Universitas Pendidikan Indonesia.
- Budimansyah, D. (2009a). *Project Citizen*. UPI Bandung.
- Budimansyah, D. (2009b). *Inovasi pembelajaran Project Citizen*. Bandung. Program Studi Pendidikan Kewarganegaraan Sekolah Pascasarjana, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Budimansyah, D. (2010). *Penguatan pendidikan kewarganegaraan untuk membangun karakter bangsa*. Bandung: Widya Aksara Press.
- Budimansyah, D. (2014). *Perancangan pembelajaran berbasis karakter*. Bandung : Widya Aksara Press.
- Budimansyah, D. (2016). *Teori sosial dan kewarganegaraan*. Bandung. Widya Aksara Press.
- Campbell (2005). Voice in the classroom: How and open classroom environment facilitates adolescents' civic engagement. Circle Working Paper 28. College Park, MD: Center for Information and Research on Civic Learning and Engagement, University of Maryland.
- Carlo, G., & Randall, B. A., (2002). The Development of a Measure of Prosocial

- Behaviors for Late Adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 31(1), 31-44.
- Crane, P., & Richardson, L. (2000). *Reconnect action research kit*. Canberra: Department of Family and Community Services.
- Daryanto. (2005). *Evaluasi pendidikan*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Department of Health and Human Services. (2012). *The action research and learning toolkit*. Hobart: Department of Health and Human Services Tasmania.
<https://aifs.gov.au/cfca/publications/participatory-action-research>
- Dickens, L., & Watkins, K.E. (1999). Action Research: Rethinking Lewin. *Management Learning*, 30, 127 - 140.
- Eccles, J.S., Roeser, R., & Vida, M. (2006). Motivational and achievement pathways through middle childhood. In L. Balter and C. Tamis-LeMonda (Eds.), *Child Psychology: A Handbook of Contemporary Issues*. (pp. 325-355). NY: Psychology Press.
- Freire, P. (1982). Creating alternative research methods: Learning to do it by doing it. Dalam B. Hall, A. Gillette, & R. Tandon (Eds.), *Creating knowledge: A monopoly?* (pp. 29–37). New Delhi: Society for Participatory Research in Asia.
- Freire, P. (1993). *Pedagogy of the city*. New York, NY: Continuum.
- Honggowiyono, P. (2015). *Pertumbuhan dan perkembangan peserta didik untuk guru dan calon guru*. Malang: Gunung Samudera.
- Karlani, E. (2014). Membangun civic engagement melalui Model Service Learning untuk memperkuat karakter warga negara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Pancasila Dan Kewarganegaraan*, 27(2), 71-78.
- Kemmis, S. (2006). Participatory action research and the public sphere. *Education Action Research Journal*, 14(4), 459–476.
- Kemmis, S., & Wilkinson, M. (1998). Participatory action research and the study of practice. Dalam B. Atweh, S. Kemmis, & P. Weeks (Eds.), *Action research in practice: Partnerships for social justice in education* (hlm. 21-36). London and New York: Routledge.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Nadarajan Thambu. (2023). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan Moral*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noddings, N. (2002). *Educating moral people: A caring alternative to character education*. New York, NY: Teachers College Press.
- Noddings, N. (2003). *Caring a feminine approach to ethics and moral education*. Berkeley, CA: University of California Press.
- Othman Lebar. (2015). *Kajian tindakan dalam pendidikan: Teori dan amalan* (edisi ke-5). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ristina. (2009). Pengaruh Project Citizent (Pembelajaran Berbasis Fortofolio) dalam PKn terhadap pengetahuan warga negara (*Civic Knowledge*). Tesis Magister yang tidak diterbitkan, Sekolah Pascasarjana UPI Bandung.
- Rogers, A.M. (2009). Becoming more “civic” through the study of local history. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. The Pennsylvania State University: The Graduate School College of Education.
- Ryan, R.M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68-78.
- Smith, R. M. (2002). Modern citizenship. In, Isin, E.F. and Turner, B.S. (eds.). *Handbook of citizenship studies* London: Sage Publications Ltd, pp. 105 - 115.

- Taniredja, T., Harmianto, S., & Priyanto, E. (2010). Development of civic education campus-based at Muhammadiyah Universities in central Java, Indonesia. *Educare. International Journal for Educational Studies*, 2(2), 153-170.
- Torres, C. (2002). Globalization, education, and citizenship: Solidarity versus markets? *American Educational Research Journal* 39(2), pp. 363 - 378.
- Ulfah, N.S., & Solihin, S. I. (2017). Model *Project Citizen* dalam pembelajaran PKn untuk meningkatkan keterampilan berpikir kritis siswa. *Antologi UPI*, 5(1), 134-145.